

<b>Headline</b>	<b>Buang sisa punca pencemaran sungai</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Berita Harian (Utara)</b>		
<b>Date</b>	<b>23 Dec 2014</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Berita</b>	<b>Circulation</b>	<b>14,000</b>
<b>Page No</b>	<b>27</b>	<b>Readership</b>	<b>42,000</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>89 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 2,048</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 6,143</b>



# Buang sisa punca pencemaran sungai

**Kuala Lumpur:** Sikap masyarakat membuang sisa buangan ke dalam sungai dan longkang, dikenal pasti antara punca menyebabkan air sungai tercemar.

Pengerusi Eksekutif Puncak Niaga Holdings Berhad, Tan Sri Rozali Ismail, berkata masyarakat perlu sedar kepentingan sungai yang menjadi nadi penyaluran sumber air utama kepada penduduk di Selangor. .

## RM5j pulihara sungai

“Tahun ini saja, beberapa loji ditutup (sementara) kerana berlaku 15 kes pencemaran. Kita juga membelanjakan lebih RM5 juta untuk menyokong sepenuhnya program berkaitan pemuliharaan sungai,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian Program Briged Penyelamat Sungai (BPS) River Fun Day di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong, di sini, semalam.

Majlis itu dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tapak Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan, Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor, Zaidy Abdul Taib.

Program berkonsepkan pembelajaran dan aktiviti ria-dah itu bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar mengenai kepentingan memulihara sungai demi kelangsungan kitaran ekosistem yang sempurna kepada setiap hidupan.